



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab terhadap sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

"MENEGAH FAHAMAN MELAMPAU"

18 Oktober 2024 / 15 Rabiulakhir 1446

الْحَمْدُ لِلَّهِ¹ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينِ الْحَقِّ، لِيُظْهِرَهُ عَلَى الدِّينِ كُلِّهِ وَكَفَىٰ بِاللَّهِ شَهِيدًا. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ² وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ³ أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Jemaah yang dirahmati Illahi,

Marilah kita tingkatkan ketakwaan ke hadirat Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan semua larangan Nya, mengikhlaskan setiap amal, semoga kita mendapat taufik dan hidayah serta diperkukuhkan iman mengabdikan diri semata-mata kepada Allah Yang Maha Esa. Mimbar akan menyampaikan khutbah bertajuk

"MENEGAH FAHAMAN MELAMPAU"

Firman Allah SWT, ayat 143 surah al-Baqarah:

﴿وَكَذَلِكَ جَعَلْنَاكُمْ أُمَّةً وَسَطًا لِتَكُونُوا شُهَدَاءَ عَلَى النَّاسِ وَيَكُونَ الرَّسُولُ عَلَيْكُمْ شَهِيدًا...﴾

Bermaksud: Dan demikian pula (sebagaimana Kami telah memimpin kamu ke jalan lurus), Kami jadikan kamu (wahai umat Muhammad), umat yang adil dan terpilih agar kamu menjadi saksi atas (perbuatan) manusia (tentang yang benar dan yang salah) dan supaya Rasul (Muhammad) akan menjadi saksi atas (perbuatan) kamu semua...

Fahaman melampau merujuk pada pandangan, pegangan, kepercayaan atau keyakinan yang melampaui batasan syarak. Fahaman melampau lazimnya bersifat keras, tidak bertolak ansur, membelakangi nilai manusiawi, bertentangan dengan undang-undang yang diterima umum, serta boleh membawa kepada tindakan yang menyalahi tuntutan syarak. Fahaman melampau boleh berlaku dalam keluarga, kumpulan, masyarakat, kelompok politik, hatta dalam mentafsirkan agama.

¹ Memuji Allah

² Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

³ Pesan Taqwa



Islam menolak fahaman melampau kerana mencanggahi ajaran Islam yang mengutamakan kesederhanaan (*wasatiyyah*) dan keseimbangan (*tawazun*) dalam setiap aspek kehidupan. Ayat 143 surah al-Baqarah yang khatib bacakan pada awal khutbah menerangkan bahawa '*Ummatan Wasata*' juga bermaksud 'umat pertengahan' dari segi pembawaannya; tidak melampau, tidak terlalu longgar dan tidak keterlaluan dari sudut keyakinan dan amalan, serta memperlihatkan tindakan yang bersifat adil dan harmoni.

Fahaman melampau berlaku disebabkan beberapa faktor;

Pertama: Kurang kefahaman ilmu al-Quran dan al-Sunnah sehingga cenderung mentafsirkan teks dan nas-nas agama di luar maksud yang sebenar.

Kedua: Terpengaruh dengan ajaran salah yang disampaikan oleh orang-orang yang tidak mempunyai kelayakan dalam bidang agama.

Ketiga: Sikap mengikut secara membuta tuli tanpa menyelidiki sesuatu tafsiran, ajaran dan pembawaan.

Keempat: Terkandas dengan pengaruh hawa nafsu serta taksuf yang berlebihan terhadap sesuatu keyakinan atau tokoh yang dipuja.

Akibatnya berlaku pelbagai kesan buruk berikut:

Pertama: Zahirnya kelakuan yang boleh menjejaskan kesucian Islam.

Kedua: Melahirkan puak yang merasakan mereka sahaja yang benar dan pihak lain sesat dan tersasar.

Ketiga: Akal menjadi dungu dan bebal kerana tidak berupaya menilai kebenaran apabila sanggup membenarkan tindakan salah yang dilakukan oleh kumpulan mereka.

Mimbar menyenaraikan antara bentuk kelakuan yang dipengaruhi oleh fahaman dan keyakinan yang melampau:

Akidah: Akibat taksuf yang melampau, lahirnya keyakinan yang menyucikan dan mentakdiskan kepimpinan melebihi had yang dibenarkan syarak, sehingga menganggap pemimpin tertentu mempunyai *karamah* atau keberkatan khusus yang perlu dimuliakan. Lantaran itu, hati tertutup daripada menerima kebenaran dan sukar menerima teguran



atau nasihat sekalipun fahaman yang diamalkan jelas bertentangan dengan ajaran Islam.

Syariat: Melakukan amalan-amalan yang bertentangan syariat atau mengandungi unsur-unsur mempersendakan syariat seperti mengatur perkahwinan tanpa kebenaran wali, dan bertukar-tukar pasangan melalui akad nikah yang diaturkan oleh kumpulan.

Akhlaq: Menyalah gunakan sumbangan yang disalurkan kepada rumah perlindungan amal, sanggup menipu dan berbohong, mempergunakan anak yatim untuk tujuan mendapat simpati untuk manfaat dan keuntungan kumpulan.

Politik: Wasilah yang sepatutnya digunakan untuk mentadbir urusan ehwal kepimpinan dengan jujur, ikhlas, amanah dan telus, bertukar kepada medan untuk mengaut sebanyak mungkin pengaruh. Tergamak melakukan fitnah, mengadu domba, bersifat munafik dalam persaingan serta dalam tujuan menjatuhkan pihak tertentu, hingga bersedia mengorbankan kebenaran serta kepentingan umum, tanpa mempedulikan kesan yang menjejaskan kesejahteraan dan ketenteraman negara.

Hakikatnya tiada siapa pun yang boleh mendakwa bahawa dirinya sentiasa benar atau tindakannya sentiasa betul selain daripada para rasul dan para nabi. Sesungguhnya! Manusia amat memerlukan nasihat dan teguran agar dapat memperbetulkan kesilapan yang tidak disedari, ketelanjuran yang tidak disengajakan, atau fahaman yang telah melampau.

Muslimin yang dilindungi Ilahi,

Islam melarang umatnya bersifat melampau dan berlebih-lebihan dalam semua perkara apatah lagi dalam urusan agama selaras dengan sabda Rasulullah SAW;

إِيَّاكُمْ وَالْغُلُوفِ فِي الدِّينِ فَإِنَّمَا أَهْلَكَ مَنْ كَانَ قَبْلَكُمْ الْغُلُوفِ فِي الدِّينِ

Bermaksud: Janganlah kalian melampau dalam urusan agama kerana yang membinasakan umat sebelum kamu ialah sikap melampau dalam agama.

(Hadis Riwayat Ahmad)

Dalam hadis lain Rasulullah SAW menyebut dan diulangi sebanyak tiga kali:

هَلَكَ الْمُتَنَطِّعُونَ

Bermaksud: "Binasalah golongan yang melampau."

(Hadis Riwayat Muslim)



Imam al-Nawawi ketika mentafsirkan maksud “الْمُنْتَطِعُونَ” menjelaskan bahawa mereka adalah golongan yang terlalu melampau dan melepasi had atau batasan sama ada dari bentuk perkataan atau perbuatan.

Islam menuntut umatnya agar mengambil pendekatan sederhana yang lebih bersifat mengimbangi semua keadaan dengan kebaikan agar menatijahkan fahaman dan kelakuan yang membawa kepada kesejahteraan hidup. Sifat sederhana menuntut umat agar bersatu membina keutuhan dan kesatuan ummah di samping menjauhi tindakan yang menjejaskan perpaduan yang sedia terjalin. Sifat sederhana berupaya memupuk sifat keterbukaan dalam kalangan umat Islam, mengakui kelemahan dan kesilapan diri, maaf memaafkan sesama saudara seagama, menghindari fitnah dan adu domba serta menjauhi sifat mazmumah yang tercela.

Jemaah Rahimakumullah

Mimbar menyenaraikan kesimpulan berikut:

Pertama: Islam menekankan kesederhanaan dalam semua perkara.

Kedua: Fahaman dan tindakan melampau wajib dicegah kerana membawa kesan buruk yang boleh mengancam kesucian Islam serta memecahbelahkan kesatuan ummah dan perpaduan kaum.

Ketiga: Jauhi sifat taksub yang dikeji kerana sifat taksub mengundang fahaman dan sikap melampau sehingga membutakan akal untuk menerima kebenaran dan menolak kebatilan.

Keempat: Ilmu pengetahuan merupakan kunci utama untuk menyelami keindahan serta kesempurnaan beragama dengan memelihara prinsip tauhid dan juga syariat daripada sebarang bentuk penyelewengan yang dimurkai oleh Allah SWT.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ
الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ⁴ حَمْدًا كَثِيرًا طَيِّبًا مُبَارَكًا فِيهِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ⁵ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ⁶ وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin serta yang mengikutinya dari kalangan *Asyairah Maturidiah*. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyakkan selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا⁷
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ⁸، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ وَأَلِّفْ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ، وَثَبِّتْهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ.
اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ وَأَنْصُرْ إِخْوَانَنَا وَأَخَوَاتِنَا وَأَطْفَالَنَا فِي فَلَسْطِينَ، وَاحْفَظْ أَهْلَهَا وَأَنْصُرْ جُنُودَهَا وَدَمِّرْ أَعْدَانِكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

Ya Hadi Ya Rasyid!, jauhi kami daripada memiliki fahaman yang melampau, sebaliknya bimbing kami pada fahaman sederhana yang menepati neraca al-Quran dan sunnah Rasulullah SAW. Lindungi kami dan warga negara kami daripada fahaman melampau yang boleh menggugat perpaduan ummah, hubungan harmoni antara kaum dan kestabilan negara.

⁴ Memuji Allah

⁵ Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

⁶ Pesan Taqwa

⁷ Ayat Al-Quran

⁸ Doa untuk Kaum Muslimin



Ya Mannan! Ya Razzaq!, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki yang berlipat ganda, serta sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fuqara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

Ya Aziz! Ya Qahhar! Lindungi Masjid al-Aqsa daripada dimusnahkan oleh rejim Zionis Israel dan limpahi ihsan Mu membela dan mengurniakan kemenangan kepada rakyat di bumi Palestin yang sedang menderita kerana perbuatan zalim rejim Zionis Israel.

Ya Mu'min! Ya Muhaimin! Limpahi rahmat Mu agar negara kami berada dalam keadaan selamat dan makmur, dijauhi daripada bencana dan malapetaka, rakyatnya hidup dalam suasana aman dan muhibah.

Ya Maalikal Mulk!, jauhi negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah dan ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

Ya Muiz! Ya Adzhiim! Ya Kabiir!, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ
عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ،
وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ
مَا تَصْنَعُونَ.